



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

- 1) (a) Jawatan : Pegawai Tadbir Gred N9
(1 jawatan)
- (b) Kementerian/Jabatan/ : Lembaga Pembangunan Langkawi
Badan Berkanun/Pihak Berkuasa
Tempatan
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan

2) Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
N9	RM2,250.00	RM11,110.00

3) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N9: RM2,250.00); atau
- (d) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,470.00).

4) Syarat Peningkatan : Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong
Secara Lantikan Pegawai Tadbir, Penghulu, Penolong Pegawai Tanah, Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N5, N6, N7 atau N8 atau Pembantu Pentadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah Gred NT5,

NT6, NT7 atau NT8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a. i. Mempunyai kelayakan di perenggan 1(a); atau
- ii. Lulus Peperiksaan Khas; dan

5) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang - kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

6) Taraf Jawatan : Lantikan Kontrak (Interim)

7) Panduan/Cara Memohon :

(7.1) Borang permohonan boleh didapati dengan melayari laman web LADA di alamat www.lada.gov.my.

- a) Borang permohonan yang telah siap diisi hendaklah disertakan dengan salinan seperti berikut:
 - (i) Kad Pengenalan;
 - (ii) Sijil Kelahiran;
 - (iii) Sijil Berhenti Sekolah;
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - (v) Sijil Ijazah Sarjana Muda dan transkrip;
 - (vi) Lain-lain sijil yang berkaitan (kokurikulum).

(7.2) Setiap permohonan yang dihantar hendaklah ditulis (NAMA JAWATAN YANG DIMOHON) di sebelah kiri sampul. Permohonan yang telah lengkap diisi serta ditandatangani hendaklah dikemukakan ke alamat seperti berikut:

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi
Tingkat 3, Kompleks LADA
Jalan Persiaran Putra
07000 Kuah, Langkawi
KEDAH DARUL AMAN
(u.p. Bahagian Sumber Manusia & Khidmat Pengurusan)

8) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

9) Permohonan yang ditolak:

(9.1) Tidak disertakan gambar terbaru yang berukuran passport seperti ditetapkan;

(9.2) Tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan (salinan kad pengenalan, sijil lahir dan salinan sijil-sijil berkaitan);

(9.3) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;

(9.4) Tidak mengisi nama jawatan yang dimohon dalam borang permohonan;

(9.5) Tidak menandatangani borang permohonan; dan

(9.6) Mengemukakan maklumat palsu.

10) Tarikh tutup permohonan ialah pada **6 OGOS 2026**. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan di talian 04-9600600.

